

D361

U B698 AAB
MAHATHIR - PERSIDANGAN R'R'R'

KUALA LUMPUR, 25 MEI (BERNAMA) -- SEPULUH KETUA KERAJAAN NEGARA ANGGOTA KUMPULAN 15 (K-15) AKAN MENGHADIRI PERSIDANGAN KEMUNCAK PERTAMA KUMPULAN ITU DI SINI MULAI 1 JUN INI, MANAKALA LIMA NEGARA ANGGOTA LAGI DIJANGKA MENGHANTAR WAKIL SAHAJA.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, KETUA-KETUA KERAJAAN JAMAICA, MESIR, BRAZIL, MEXICO DAN PERU TIDAK DAPAT HADIR ATAS SEBAB TERTENTU YANG TIDAK DAPAT DIELAKKAN.

BANYAK KETUA KERAJAAN YANG INGIN DATANG TETAPI MEMPUYAI URUSAN LAIN SEPERTI PERSEDIAAN MENGHADAPI PILIHAN RAYA DI NEGARA MEREKA DAN ATURCARA LAIN YANG DITETAPKAN SEJAK AWAL LAGI, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENYAKSIKAN RAPTAI UPACARA PERASMIAN PERSIDANGAN KEMUNCAK ITU, DI DEWAN BANKUASI DI BANGUNAN PARLIMEN, DI SINI HARI INI.

NEGARA-NEGARA ANGGOTA K-15 YANG LAIN IALAH ALGERIA, ARGENTINA, INDIA, INDONESIA, NIGERIA, SENEGAL, VENEZUELA, YUGOSLAVIA, ZIMBABWE DAN MALAYSIA,

PERSIDANGAN KEMUNCAK SELAMA TIGA HARI ITU AKAN BERLANGSUNG DI CARCOSA SERI NEGARA, DI SINI. -- LAGI
1454MST 25 05 90

U B699 AAB
MAHATHIR - PERSIDANGAN 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

MENGENAI PERSIAPAN PERSIDANGAN KEMUNCAK ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU BERPUAS HATI DENGAN PERSIAPAN YANG DILAKUKAN SETAKAT INI.

KATANYA, PENGALAMAN SEMASA MENJADI TUAN RUMAH MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN NEGARA KOMANWEL (CHOGM) PADA TAHUN LEPAS AMAT BERGUNA BAGI PERSIAPAN PERSIDANGAN K-15 KALI INI.

KATANYA, SATU KERUMITAN YANG MUNGKIN TIMBUL PADA MESYUARAT ITU KELAK IALAH PENGGUNAAN LIMA BAHASA OLEH PARA PESERTA PADA PERSIDANGAN KEMUNCAK ITU. (BAHASA-BAHASA YANG DIGUNAKAN IALAH BAHASA INGGERIS, ARAB, PERANCIS, SEPANYOL DAN BAHASA MELAYU).

PENUBUHAN K-15 YANG DIANGGOTAI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SELATAN DIUMUMKAN SEMASA PERSIDANGAN KEMUNCAK NEGARA-NEGARA BERKECUALI DI BELGRADE SEPTEMBER LEPAS.

IA BERTUJUAN MENINGKATKAN KERJASAMA EKONOMI NEGARA-NEGARA DUNIA KETIGA DENGAN MENGENAL PASTI PROJEK UTAMA YANG BOLEH MEMANFAATKAN SEKTOR PERDAGANGAN SESAMA NEGARA ANGGOTA.

YANG TURUT HADIR PADA RAPTAI HARI INI IALAH KETUA SETIAUSAHA NEGARA DATUK SERI AHMAD SARJI ABDUL RAHMAN, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR DATUK AHMAD KAMIL JAAFAR DAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENERANGAN DR MAZLAN AHMAD. -- BERNAMA
1513MST 25 05 90